



JABATAN AKAUNTAN NEGARA MALAYSIA
NEGERI JOHOR,
TINGKAT 8 DAN 11, LOT 20485,
MENARA TABUNG HAJI,
JALAN AYER MOLEK,
80720 JOHOR BAHRU.

Telefon : 07-2249244/2239318
Faks : 07-2239322
Laman web : www.anm.gov.my

Rujukan : ANM.JB(D) 10/09 (29)
Tarikh : **24** Januari 2022

KETUA PUSAT TANGGUNGJAWAB
Di bawah seliaan JANM Negeri Johor

YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan

PERMOHONAN KELULUSAN AP58(a) KE PEJABAT PERAKAUNAN BAGI TAHUN 2022

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara di atas dan Pekeliling Perbendaharaan PB1.2 bertarikh 5 Januari 2022.

2. Adalah dimaklumkan, merujuk kepada **Pekeliling Perbendaharaan PB1.2, perenggan 9** dinyatakan **semua bil dan tuntutan yang perlu dibayar di bawah AP58(a), sekiranya perlu hendaklah dikemukakan untuk kelulusan Pejabat Belanjawan Negara, Kementerian Kewangan sebelum 30 April 2022.**
3. Sehubungan itu, bagi permohonan kelulusan AP58(a) di peringkat Jabatan ini, PTJ hendaklah mengemukakan permohonan yang lengkap **selewat-lewatnya pada 24 April 2022 (Ahad)** untuk tindakan selanjutnya. Bagi sebarang pertanyaan YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan boleh menghubungi Puan Noraini Binti Kasman (Unit Pengurusan Dana) di talian 07-2249244 samb 1054.
4. Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan berhubung perkara ini didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"Inovasi Digital Pemacu Prestasi Unggul"

Saya yang menjalankan amanah,

(KALTHOM BINTI SALIM C.A.(M))
Pengarah
Jabatan Akauntan Negara Malaysia
Negeri Johor